



BAB TIGA

BAB KETIGA : MASALAH AKHLAK REMAJA DI FELDA ULU BELITONG, KLUANG, JOHOR

3.1 Pendahuluan

Bagi menyempurnakan bab ketiga ini, penulis lebih menggunakan maklumat dan data yang dikumpulkan melalui metode wawancara , metode penggunaan borang kaji selidik, metode observersi dan kajian perpustakaan .

Metode wawancara digunakan untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang diperlukan daripada beberapa orang yang berautoriti. Antaranya ialah Pengurus FELDA, Pegawai Belia FELDA, beberapa orang peneroka (mewakili golongan ibu bapa), guru-guru SMK Ulu Belitong, pegawai polis di Pondok Polis Ulu Belitong, Ketua RELA dan golongan remaja sendiri. Maklumat yang dikumpulkan melalui metode ini banyak juga digunakan untuk bab keempat nanti.

Subjek kajian penulis di dalam kajian ini terdiri daripada golongan remaja di sekitar gugusan FELDA Ulu Belitong. Oleh sebab itu, penulis menggunakan metode sampling bagi mewakili keseluruhan remaja di kawasan ini. Sebanyak 150 naskah borang kaji-selidik telah diedarkan kepada golongan remaja di gugusan FELDA berkenaan. Mereka terdiri daripada remaja yang masih bersekolah, menganggur dan telah bekerja.. Bagaimanapun, hanya 120 borang sahaja yang telah dikembalikan kepada penulis. Justeru, analisis yang dibuat hanyalah terhadap 120 borang tersebut sahaja. Seramai 58 orang remaja lelaki dan 62 orang remaja perempuan yang berumur

di sekitar 12 – 23 tahun menjadi responden dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 73 orang atau (60.8 %) responden bersekolah (menengah rendah dan atas), 36 orang (30 %) sudah bekerja dan 11 orang (9.2 %) masih menganggur.

Dalam hal ini, penulis telah mendapat kerjasama daripada guru-guru SMK Ulu Belitong untuk mendapatkan sample pelajar sekolah. Pegawai Belia dan seorang sukarelawan remaja pula, membantu dalam usaha mengedarkan borang kaji selidik kepada golongan remaja yang sudah bekerja dan masih menganggur.

Maklumat-maklumat kegiatan ekonomi dan sosial, kemudahan asas, tempat-tempat kunjungan remaja dan beberapa maklumat yang berkaitan diperolehi melalui metode observersi penulis di kawasan berkenaan.

3.2 Latar Belakang Gugusan FELDA Ulu Belitong

3.2.1 Lokasi FELDA

FELDA Ulu Belitong merupakan sebuah FELDA yang agak dekat dengan jalan utama yang menghubungkan dua buah bandar iaitu Bandar Kota Tinggi dan Bandar Kluang. Jaraknya lebih kurang 29 km dari Bandar Kluang dan 23 km dari Bandar Kota Tinggi. Lokasi yang agak strategik ini memudahkan perhubungan dan pengangkutan ke tempat berkenaan.¹

¹ Sila rujuk peta lokasi di lampiran B

Gugusan FELDA ini terdiri daripada beberapa buah FELDA iaitu FELDA Ulu Belitong sendiri, FELDA Ulu Pengeli dan FELDA Bukit Tongkat. Walau bagaimanapun, dari sudut pengurusan, setiap FELDA ditadbir oleh pengurus masing-masing. FELDA Ulu Belitong adalah FELDA yang paling besar dan utama kerana disitulah terdapatnya segala kemudahan infrastruktur yang lengkap.²

3.2.2 Sejarah Penubuhan dan Latar Belakang FELDA

FELDA Ulu Belitong ini merupakan salah satu FELDA yang agak baru dibuka. Generasi yang mendiami FELDA ini hanya baru memasuki generasi kedua. Generasi pertama terdiri daripada golongan ibu bapa yang mula-mula meneroka kawasan tersebut, manakala generasi kedua ialah golongan remaja yang merupakan anak-anak kepada generasi awal yang meneroka kawasan itu.

FELDA ini baru diteroka lebih kurang 15 tahun yang lalu iaitu pada April 1987. Penerokaan dilakukan secara berperingkat, di mana generasi awal yang mula meneroka kawasan ini hanyalah seramai 93 orang , diikuti dengan peringkat kedua pada tahun yang sama dengan jumlah peneroka seramai 136. Pada peringkat ketiga, seramai 36 orang lagi diterima. Pada peringkat keempat iaitu pada bulan September 1989, seramai 106 orang peneroka diterima masuk. Pada peringkat yang kelima iaitu pada bulan November 1990, seramai 86 orang sahaja peneroka diterima masuk ke FELDA ini.³

² Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitong, pada 25 September 2001

³ Sila rujuk jadual kemasukan peneroka dan maklumat asas rancangan di lampiran F

Menurut Pengurus FELDA, tidak banyak rekod dan maklumat FELDA yang dikemaskinikan kerana pengurusan di sini masih baru. Pengurus FELDA yang ada sekarang pun, baru merupakan pengurus yang ketiga sejak pembukaan FELDA berkenaan.⁴

3.2.3 Jumlah Penduduk

Berdasarkan perangkaan umum pada tahun 2000, jumlah penduduk FELDA ini dianggarkan sekitar 3,300 orang. Mereka terdiri daripada 40% golongan tua dan selebihnya adalah remaja dan kanak-kanak. Dianggarkan kurang daripada 35 orang sahaja generasi awal peneroka yang meninggal dunia sepanjang tempoh tersebut.⁵

3.2.4 Kemudahan Asas dan Infrastruktur

Lokasi FELDA yang dekat dengan jalan utama yang menghubungkan dua buah bandar menyebabkan kemudahan asas di sini agak lengkap. Sejak dari awal pembukaannya, FELDA ini telah disediakan bekalan elektrik dan air oleh pihak kerajaan. Semua rumah dilengkapi dengan segala perkakas elektrik seperti peti televisyen, peti sejuk, radio dan lain-lain. Malah, ada peneroka yang mempunyai komputer peribadi untuk kemudahan anak-anak mereka di rumah.⁶

⁴ Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitung, pada 27 September 2001

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

Bagi perhubungan, selain daripada telefon rumah, telefon awam juga banyak disediakan untuk kemudahan penduduk. Dianggarkan terdapat sekitar enam hingga sepuluh buah pondok telefon awam di gugusan FELDA ini. Bagi pengangkutan, terdapat kemudahan bas yang melalui jalan-jalan di dalam kawasan FELDA menuju ke Bandar Kluang dan Kota Tinggi. Perkhidmatan bas ini disediakan setiap sejam sekali dari Bandar Kluang berulang alik ke FELDA ini, bermula dari jam 6.30 pagi sehingga jam 11.00 malam.⁷

Memandangkan hampir 98% penduduk adalah orang Islam, maka terdapat sebuah masjid yang menjadi tempat utama penduduk menunaikan solat berjemaah. Di samping itu, terdapat juga beberapa buah surau yang didirikan untuk beribadat.

Lain-lain kemudahan asas yang disediakan adalah seperti pondok polis, klinik desa, perpustakaan, pos dan juga bank bergerak yang datang ke situ pada waktu-waktu yang ditetapkan setiap minggu untuk keselesaan penduduk.⁸

3.2.5 Pendidikan

Terdapat sebuah sekolah menengah, iaitu Sek. Men. Keb. Ulu Belitong, sebuah sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah agama untuk pendidikan peringkat menengah dan rendah. Di samping itu, disediakan juga TADIKA dan TASKI (Taman Asuhan Kanak-kanak Islam) untuk pengajian peringkat pra- sekolah dan kelas

⁷ Temubual dengan Encik Abd. Ghani, Ketua RELA di FELDA Ulu Belitong, pada 29 Sept. 2001

⁸ Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitong, pada 27 September 2001

pengajian al-Qur'an, al-hadith, tauhid dan fekah untuk orang-orang dewasa di balai raya dan masjid. Boleh dikatakan bahawa pendidikan disediakan secara menyeluruh terhadap semua peringkat umur di dalam kawasan FELDA berkenaan.

3.2.6 Kegiatan Ekonomi Penduduk

Sebahagian besar penduduk di sini merupakan golongan peneroka yang menanam kelapa sawit sebagai tanaman utama. Golongan perempuan pula sebahagiannya bekerja di kilang memproses minyak kelapa sawit di kawasan berkenaan dan ada juga yang bekerja kilang di Bandar Kluang dan Kota Tinggi.

Bagi mendapatkan pendapatan tambahan, kebanyakan peneroka mengusahakan kebun buah-buahan dan sayur sayuran untuk kegunaan sendiri dan jualan. Ada juga yang menjalankan kegiatan bermiaga secara kecil-kecilan seperti membuka kedai runcit, kedai makanan dan bengkel membaiki kereta dan motorsikal. Golongan muda pula, rata-rata lebih suka bekerja di Bandar Kluang dan kota Tinggi sebagai kerani, jurujual di kedai-kedai dan juga sebagai pekerja kilang.⁹

3.2.7 Kegiatan Sosial Penduduk

Memandangkan 98% penduduk FELDA ini merupakan golongan peneroka, maka kegiatan sosial mereka juga agak terhad kerana sibuk mengerjakan ladang kelapa sawit masing-masing. Waktu rehat banyak tertumpu pada waktu malam sahaja.

Bagi golongan belia dan remaja yang bersekolah dan menganggur, waktu yang terluang agak banyak. Kebanyakan mereka lebih suka ke Bandar Kluang pada hari minggu untuk melepak di pusat membeli belah, mengunjungi pusat-pusat rekreasi, kafe siber dan pusat-pusat hiburan. Bagi sebahagian daripada remaja lelaki pula, berlumba motor secara haram dengan rakan-rakan pada malam hari minggu sudah menjadi satu kebiasaan. Kegiatan mereka kurang terkawal kerana ibu bapa sibuk bekerja. Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ada juga remaja bersekolah yang menghabiskan masa lapang mereka di rumah pada hari minggu untuk menjaga adik-adik dan membantu ibu bapa menyelesaikan kerja-kerja rumah.¹⁰

3.3 Golongan remaja di FELDA Ulu Belitong

3.3.1 Umur

Golongan belia dan remaja yang berumur antara 12 - 25 tahun meliputi 40% daripada keseluruhan penduduk. Golongan dewasa dan tua yang berumur sekitar 26-75 tahun seramai 35% dan selebihnya 25% lagi adalah bayi yang baru lahir dan kanak-kanak yang berumur dari setahun hingga 11 tahun. Justeru, boleh dikatakan bahawa golongan remaja agak mendominasi peratusan penduduk di sini.¹¹

3.3.2 Taraf Pendidikan Golongan Remaja

Kebanyakan remaja dan belia di sini mendapat pendidikan secara formal di sekolah-sekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan di FELDA mereka. Dianggarkan

⁹ Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitung, pada 25 September 2001

¹⁰ Temubual dengan Encik Ridhuan, Pegawai Belia di FELDA Ulu Belitung, pada 27 September 2001

seramai 35 % berada di tahap menengah rendah, 40 % menengah atas, 5% berada di pusat pengajian tinggi awam dan swasta dan selebihnya 20% lagi sudah bekerja.¹²

Kesedaran para remaja dan belia di sini untuk mendapatkan pendidikan di peringkat tinggi agak kurang disebabkan kemiskinan. Ramai remaja yang belajar setakat tingkatan tiga dan lima (SRP / PMR dan SPM) sahaja kerana mereka lebih suka bekerja. Ada yang bekerja kilang, kerani, jurujual ataupun membuka bengkel sendiri. Malah sebahagian daripada mereka terpaksa bekerja untuk mengurangkan beban keluarga masing-masing.¹³

3.3.3 Kegemaran Dan Aktiviti Masa Lapang

Sememangnya fitrah hidup manusia inginkan keseronokan dan hiburan, apatah lagi sewaktu umur masih muda. Golongan remaja adalah generasi yang paling banyak melakukan aktiviti hiburan dan mengunjungi tempat-tempat tertentu untuk berseronok dan bergembira.¹⁴

Pada usia remaja juga sifat ingin berdikari, merasai diri sudah dewasa dan ingin lepas dari konkongan keluarga serta perasaan ingin mencuba lebih menguasai diri

¹¹ Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitong pada 27 September 2001

¹² Temubual dengan Encik Ridhuan, Pegawai Belia FELDA Ulu Belitong pada 27 September 2001

¹³ Temubual dengan Ustazah Khairussaadah Ramian, guru agama di SMK Ulu Belitong pada 23 September 2001

¹⁴ Mohd Amin H.A. Shariff (1998), *Perkembangan Remaja : Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 25.

mereka.¹⁵ Remaja juga lebih suka berseronok bersama rakan-rakan dengan mengunjungi tempat-tempat menarik dan memberikan kegembiraan kepada mereka.¹⁶

Dr. Mahmood Nazar Mohamed, pensyarah di Universiti Utara Malaysia dalam kajiannya mendapati bahawa antara tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh golongan remaja ialah seperti pusat membeli belah, kafe siber, taman bunga dan pusat rekreasi, pusat *snooker* dan *game*, padang permainan, perpustakaan, perhentian bas, pusat hiburan, konsert, dan seumpama dengannya.¹⁷

Begitu juga dengan golongan remaja di kawasan ini. Disebabkan kurang perhatian dan pengawasan ibu bapa, maka anak-anak mereka bebas mengunjungi tempat-tempat yang dikehendaki dan melakukan aktiviti diluar kawalan. Jadual di bawah menunjukkan tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh golongan remaja di FELDA Ulu Belitong pada waktu lapang berdasarkan borang kaji-selidik yang diedarkan.

Jadual 3.1 : Tempat yang selalu dikunjungi remaja pada waktu lapang

Jawapan	Lelaki	Prpn	Jumlah	Peratus
Perpustakaan	9 Orang 6.38%	13 orang 9.22%	22 orang	15.6%
Taman permainan / Dewan / Padang	9 orang 6.38%	9 orang 6.38%	18 orang	12.77%
Rumah kawan	6 orang	13 orang	19 orang	13.47%

¹⁵ *Ibid.* hal.21

¹⁶ Wan Aminah Wan Yaacob (1995), *Bagaimana Membentuk Akhlak yang Baik di Awal Peringkat Pendidikan*. Kuala Lumpur : YADIM, hal. 23

¹⁷ Dr. Mahmood Nazar Mohamed (1984), "Remaja dan Perkembangan Diri", (Kertas Kerja Seminar Remaja Masa Kini yang berlangsung pada 5-6 Ogos 1994 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

	4.26%	9.22%		
Pusat membeli – belah	12 orang 8.51%	18 orang 12.77%	30 orang	21.28%
Perhentian bas	4 orang 2.84%	-	4 orang	2.84%
Kafe siber	13 orang 9.22%	10 orang 7.09%	23 orang	16.31%
Pusat hiburan	6 orang 4.26%	2 orang 1.42%	8 orang	5.67%
Taman rekreasi / Taman bunga	7 orang 4.96%	10 orang 7.09%	17 orang	12.06%
JUMLAH			141 org.	100%

Daripada jawapan yang diberikan oleh responden di atas, penulis mendapati bahawa kebanyakan responden di sini suka menghabiskan masa lapang mereka dengan mengunjungi tempat-tempat yang banyak mendatangkan impak negatif kepada mereka. Antara tempat utama yang menjadi tumpuan responden ialah di pusat membeli-belah. Jumlah mereka ialah sebanyak 21.28 peratus. Daripada peratusan di atas, didapati bahawa remaja perempuan lebih banyak mengunjungi tempat berkenaan berbanding remaja lelaki.

Seorang remaja perempuan yang berumur 16 tahun menyatakan bahawa kebanyakan mereka lebih suka *window shopping* semata-mata sambil menjamu mata meninjau perkembangan fesyen terkini.¹⁸ Kenyataan tersebut disokong oleh rakannya yang berumur 17 tahun. Malah beliau mengakui bahawa setiap hujung minggu, beliau bersama lima hingga enam orang rakan-rakannya pasti ke bandar Kluang bagi

¹⁸ Temubual dengan seorang remaja perempuan berumur 16 tahun pada 25 September 2001 di FELDA Ulu Belitong pada 28 Sept. 2001

meninjau fesyen-fesyen pakaian, beg dan kosmetik terkini agar tidak ketinggalan zaman.¹⁹

Remaja lelaki pula suka ke pusat membeli belah untuk melepak di tangga dan kaki lima *shopping complex* tersebut sambil menegur dan berkenalan dengan remaja perempuan yang lalu lalang di kawasan tersebut. Bagi mereka aktiviti tersebut salah satu daripada aktiviti yang boleh melapangkan fikiran dan menghilangkan kebosanan²⁰

Menurut seorang ustazah di SMK Ulu Belitong boleh dikatakan bahawa setiap hari, apabila ke bandar Kluang ataupun Kota Tinggi, guru-guru di sekolah tersebut pasti akan terserempak dengan pelajar-pelajar sekolah berkenaan merayau dan melepak di pusat membeli-belah ataupun di perhentian bas di kedua-dua bandar tersebut.²¹

Daripada tinjauan penulis ke bandar berkenaan, didapati bahawa ramai remaja lelaki sedang melepak di kaki-kaki lima pasar-raya Jimat dan Parkson sambil berbual kosong, menghisap rokok dan menganggu remaja perempuan yang keluar dan masuk pusat membeli-belah berkenaan.

Tempat yang seterusnya menjadi tumpuan remaja FELDA berkenaan ialah di *cafe siber* yang banyak terdapat di bandar Kluang dan Kota Tinggi. Peratusan responden

¹⁹ Temubual dengan remaja perempuan berumur 17 tahun pada 26 September 2001 di FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor

²⁰ Temubual dengan remaja lelaki berumur 15 tahun di dalam bas FELDA Ulu Belitong – Kluang pada 26 September 2001.

yang sering ke tempat berkenaan ialah sebanyak 16.31 peratus. Daripada temubual penulis dengan remaja lelaki berumur 19 tahun, beliau mengakui sering ke kafe siber untuk bermain *game* dan *chatting*.²² Bagi seorang lagi responden yang berumur 20 tahun, beliau sering ke siber kafe berkenaan untuk melayari internet dan mencari serta memasukkan kod muzik terkini dari laman-laman web ke telefon bimbitnya.²³

Hasil daripada tinjauan penulis ke dua buah siber kafe di bandar Kluang, didapati bahawa sebahagian besar remaja yang mengunjungi kafe siber berkenaan adalah terdiri daripada remaja lelaki. Walaupun ada yang sedang menaip kerja-kerja kursus sekolah dan melayari *web side* pendidikan, namun jumlah mereka adalah sedikit berbanding remaja yang melepak dan berborak kosong, *chatting* dan bermain *game*.

Walau bagaimanapun, daripada kajian yang dibuat, penulis mendapati ada juga sebanyak 15.6 peratus daripada responden yang suka mengunjungi tempat positif seperti perpustakaan untuk mengulangkaji pelajaran dan membuat rujukan di sana. Kebanyakan mereka terdiri daripada remaja perempuan

Kesimpulannya, daripada kajian yang dibuat, penulis mendapati bahawa peratusan responden mengunjungi tempat-tempat yang mendatangkan impak negatif lebih tinggi iaitu sebanyak 84.36 peratus berbanding tempat yang mendatangkan impak positif. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di kawasan ini suka melakukan

²¹ Temubual dengan Ustazah Khairussaadah Ramian, guru agama di SMK. Ulu Belitong, Kluang, Johor, pada 24 September 2001

²² Temubual dengan remaja lelaki berumur 19 tahun di FELDA Ulu Belitong pada 25 Sept. 2001.

²³ Temubual dengan remaja lelaki berumur 20 tahun di kafe siber Bandar Kluang pada 26 September 2001.

kegiatan yang ringan dan menghiburkan hati semata-mata tanpa kegiatan yang berfaedah. Sehubungan itu, mereka lebih terdedah kepada pelbagai gejala negatif seperti merokok, menonton video lucu, melepak dan sebagainya melalui tempat-tempat dan aktiviti-aktiviti sedemikian.

3.4 Masalah Akhlak Remaja Di Gugusan FELDA Ulu Belitong

Remaja adalah golongan yang berada pada peringkat umur yang umumnya memiliki sifat-sifat yang agresif, berani mengambil risiko, ingin mencuba dan melalui pengalaman, mudah terangsang, nekad, berdikari, ingin bebas dari kongkongan dan birokrazi keluarga serta budaya masyarakat tradisi yang didiaminya. Dengan sifat-sifat sedemikian, agak sukar untuk menilai mereka berdasarkan luaran dan fizikal semata-mata. Apa yang dilakukan mereka lebih merupakan manifestasi daripada pergolakan dalaman mereka di mana sering berlaku kecelaruan dan ketidakselarasan antara kewarasan minda dan runtunan nafsu terutamanya syahwat mereka.²⁴ Justeru, mereka lebih terdedah kepada perbuatan-perbuatan negatif seperti berjudi, berfoya-foya, melepak dan sebagainya.

Di dalam kajian ini , penulis mendapati antara masalah-masalah salahlaku akhlak yang dikenalpasti dilakukan oleh remaja di FELDA Ulu Belitong ini secara khusus adalah sebagaimana yang tertera di dalam jadual di sebelah:

Jadual 3.2 : Masalah salahlaku akhlak yang pernah dilakukan oleh responden remaja di FELDA Ulu Belitong.

Perbuatan	Kadang - Kadang		Selalu		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Prpn	Lelaki	Prpn		
Menghisap rokok	10 org	8 org	12 org	4 org	34 org	28.81%
Berfoya-foya	20 org	21 org	13 org	9 org	63 org	53.39%
Ponteng sekolah	27 org	25 org	12 org	8 org	72 org	61.02%
Melepak	21 org	12org	11 org	7 org	51 org	43.22%
Memusuhi guru	18 org	3 org	2 org	2 org	25 org	21.19%
Mencuri	16 org	4 org	3 org	-	23 org	19.49%
Merosakkan harta awam	19 org	17 org	6 org	10 org	43 org	36.44%
Menonton video / CD / Filem lucah	13 org	4 org	5org	1 org	23 org	19.49%
B'cumbuan & m'adakan hub. seksual	4 org	2 org	4 org	1 org	11 org	9.32%
Berdisko / Berkaraoke	6 org	3 org	5 org	1 org	15 org	12.71%
Minum Arak	1 org	-	3 org	-	4 org	3.39%
Berjudi	12 org	1 org	6 org	-	19 org	16.1%
Lesbian / homoseksual	3 org	3 org	3 org	1 org	10 org	8.47%
Menghisap dadah / ganja / pil khayal	8 org	3 org	2 org	2 org	15 org	12.71%
Mengamalkan seks bebas – bohsia/ bohjan	3 org	4 org	2 org	1 org	10 org	8.47%
Lari dari rumah	1 org	3 org	-	-	4 org	3.39%
Melacurkan diri	-	-	-	-	-	-
Merompak	-	-	-	-	-	-
Membunuh	-	-	-	-	-	-

Berdasarkan keputusan yang didapati daripada jadual 3.4 di atas, penulis mendapati bahawa masalah salahlaku negatif utama yang dilakukan oleh golongan remaja di sini ialah ponteng sekolah (61.02 peratus), diikuti dengan perbuatan berfoya-foya ke bandar Kluang dan Kota Tinggi (53.39 peratus), melepak (43.22 peratus) dan merosakkan harta benda awam (36.44 peratus).

²⁴ Majalah Tamaddun , "Lepak : inikah masalah sebenar remaja", Ogos 1994, hal. 8-9

3.5 Kajian-kajian Lampau Tentang Masalah Akhlak Remaja di FELDA

Penulis mendapati terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu tentang masalah akhlak remaja di kawasan FELDA.

Bagaimanapun, jumlahnya tidak banyak. Antara penyelidikan tersebut ialah :

1). Kajian yang dilakukan oleh Yahaya Ibrahim dari Universiti Malaya bertajuk “Migrasi Keluar dan Permasalahan Sosial Dikalangan Remaja FELDA” pada tahun 1995. Antara penemuan penting daripada kajian beliau ialah :

- a). Terdapat banyak kes yang melibatkan gejala sosial dikalangan remaja FELDA. Ianya melibatkan kesalahan yang berat seperti penagihan dadah, minum arak, menonton video lucuh dan sebagainya.
- b). Antara faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya gejala sosial tersebut ialah kerana pengaruh kawan dan juga kesibukan ibu bapa bekerja menyebabkan renggangnya hubungan kekeluargaan.
- c). Rendahnya taraf akademik golongan remaja menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan faktor kebendaan dan kemewahan di bandar-bandar besar. Ini menyebabkan ramai di kalangan remaja berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.²⁵

2. Ahmad Baharuddin bin Abdullah dalam disertasinya yang bertajuk “Cara gaya Keibubapaan Terhadap Pelajar Berpencapaian Rendah di FELDA Palong , Negeri

²⁵ Yahaya Ibrahim, (1995), “Migrasi Keluar dan Permasalahan Sosial Dikalangan Remaja FELDA”, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, vol. 22, h. 35

Sembilan", mendapat pertalian yang rapat antara bentuk hubungan kekeluargaan dengan pencapaian akademik anak-anak. Kebanyakan golongan bapa di FELDA berkenaan kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak. Manakala ibu pula lebih bersifat memberikan arahan autokratif. Ini menyebabkan berlakunya tekanan dan rasa rendah diri di dalam diri anak-anak yang menyebabkan penurunan tahap akademik pelajar.²⁶

3) Kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasir Hashim berkaitan dengan faktor pemakanan dan amalan cara hidup golongan FELDA, mendapati bahawa kekurangan nutrien dan zat yang seimbangan memberikan kesan terhadap perkembangan fizikal, mental, keperluan badan serta kesihatan generasi muda di kawasan FELDA. Ini bermakna pengaruh kemiskinan menjadi antara faktor penyumbang kepada berlakunya pencapaian akademik yang rendah dan perkembangan mental dan fizikal yang tidak seimbang. Secara tidak langsung, faktor ini juga menjadi penyumbang kepada berlakunya masalah akhlak di kalangan mereka.²⁷

4). Asmawati Binti Baharuddin dalam disertasi bagi Sarjana Pendidikan di UKM yang bertajuk, "Kajian Tentang Pertalian Antara Persekutaran Rumahtangga Dengan Pencapaian Akademik (UPSR) Murid-murid Sek. Rendah FELDA Negeri Sembilan", mendapati persekitaran rumah tangga meliputi taraf sosial ibu bapa, keadaan kebendaan dan bukan kebendaan, kesesuaian rumah untuk belajar dan orientasi nilai

²⁶ Ahmad Baharuddin Bin Abdullah (1995), "Cara Gaya Keibubapaan Terhadap Pelajar Berpencapaian Rendah di FELDA Palong, Negeri Sembilan", (Disertasi (M. Sc) UPM)

²⁷ Mohd Nasir Hashim (1999), "The Nutritional Study of Preschool Children In A FELDA (Federal Land Development Authority), Shceme in West Malaysia, (Thesis (Ph. D), Cornell University)

serta perhubungan dengan keluarga memainkan peranan penting bagi menentukan pencapaian anak-anak dalam pelajaran mereka. Biasanya hubungan kekeluargaan yang erat dalam keluarga akan menentukan kualiti sikap kendiri dan pembinaaan semangat dalam diri anak-anak.²⁸

5). Bagi meninjau masalah di kalangan guru-guru di kawasan FELDA pula, Bahari Mat dari Universiti Utara Malaysia membuat kajian tentang “Kepuasan Kerja Dikalangan Guru-guru Sek. Men. Di FELDA Jengka, Pahang”. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa kekurangan kemudahan, keadaan pekerjaan dari sudut perhubungan dengan rakan sekerja, peluang kenaikan pangkat dan tekanan persekitaran FELDA menyebabkan ramai guru-guru di kawasan FELDA kurang memberikan penumpuan kepada profesyen mereka. Keadaan FELDA yang agak jauh di pedalaman juga memberikan kesan kepada kepuasan guru-guru terhadap pekerjaan mereka. Ini menjelaskan nilai mutu kerja seseorang guru.²⁹

3.6 Masalah Ponteng Sekolah Dikalangan Remaja FELDA Ulu Belitong

Kesalahan ponteng sekolah merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh golongan remaja di kawasan ini iaitu sebanyak 61.02%. Boleh dikatakan hampir sebahagian besar daripada responden pernah melakukan kesalahan tersebut. Menurut Ustaz Abd. Rashid Shamin, kesalahan ponteng sekolah dilakukan oleh pelajar dengan

²⁸ Asmawati Bt. Baharuddin (1993), “Kajian Tentang Pertalian Antara Persekutaran Rumah tangga Dengan Pencapaian Akademik (UPSR) Murid-murid Sek. Rendah FELDA Negeri Sembilan”,(Disertasi (M. Ed),UKM)

²⁹ Bahari Mat (1997), “Kepuasan Kerja Dikalangan Guru-guru Sekolah Menengah di FELDA Jengka, Pahang, (Disertasi (M. Ed)) UUM)

dua cara. Pertama pelajar tersebut memang ponteng atau tidak datang sekolah dari awal pagi lagi sehingga habis waktu pesekolahan. Manakala cara kedua pula, pelajar terbabit hadir ke sekolah separuh daripada masa persekolahan sama ada pada dua atau tiga mata pelajaran pada waktu sebelum rehat dan hilang atau ponteng pada masa berikutnya selepas rehat sehingga tamat waktu persekolahan.³⁰

Kebanyakan mereka yang mengamalkan cara kedua iaitu ponteng sekolah selepas waktu rehat persekolahan, lari keluar dari kawasan sekolah melalui pintu belakang, menebuk pagar sekolah di kawasan-kawasan yang agak terlindung ataupun dengan memanjat pagar. Walaupun pelbagai cara telah dibuat oleh pihak sekolah seperti mengunci pintu belakang sekolah, menyuruh pengawas mengawasi dan meronda kawasan pagar yang ditebuk oleh pelajar yang ponteng dan sebagainya, namun masih ada juga pelajar yang melakukan perbuatan tersebut. Bagaimanapun, jumlah mereka agak berkurangan sejak akhir-akhir ini.³¹

Menurut pengakuan beberapa responden remaja yang terlibat dalam kegiatan ini, ada beberapa faktor yang mendorong mereka ponteng sekolah. Antaranya disebabkan kurang minat untuk belajar dan boring dengan pelajaran yang susah seperti matematik dan sains.³² Responden yang lain pula menyatakan bahawa beliau ponteng kerana tidak suka dan memusuhi guru-guru yang tertentu, serta tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.³³ Disebabkan terpengaruh dengan ajakan kawan dan

³⁰ Temubual dengan Ustaz Abd. Rashid Shamin, guru disiplin SMK. Ulu Belitong pada 29 Sept. 2001

³¹ *Ibid*

³² Temubual dengan pelajar perempuan berumur 18 tahun di SMK Ulu Belitong pada 27 Sept. 2001

³³ Temubual dengan pelajar lelaki berumur 14 tahun di SMK Ulu Belitong pada 27 Sept. 2001

inginkan kebebasan serta keseronokan pula penjadi penyebab dan dorongan kepada responden yang berusia 14 tahun ini ponteng sekolah.³⁴

Ketidakprihatinan ibu bapa dan keluarga terhadap pelajaran anak-anak di sekolah kerana sibuk bekerja di ladang dan sikap guru yang pilih kasih juga menjadi punca sampingan kepada pelajar di sekolah ini ponteng sekolah.³⁵ Ditambah lagi dengan kedudukan FELDA yang agak dekat dengan bandar dan kemudahan pengangkutan yang banyak untuk ke sana menyebabkan pelajar mudah mengambil kesempatan ponteng dan merayau di sana.³⁶

Kesan daripada kegiatan ponteng sekolah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, ramai dikalangan mereka yang terlibat dengan kegiatan menghisap rokok dan berfoya-foya di Bandar Kluang dan Kota Tinggi tanpa arah tujuan serta melepak di pasaraya dan perhentian bas di bandar berkenaan.³⁷ Malah ramai dikalangan mereka menipu ibu bapa dan guru dengan alasan ke sekolah sedangkan mereka melencong ke tempat lain. Fenomena ini diakui sendiri oleh seorang remaja yang terlibat dalam kesalahan ponteng sekolah itu.³⁸

Kesimpulannya, kesalahan ponteng sekolah merupakan kesalahan disiplin yang paling kerap dilakukan oleh golongan pelajar di kawasan ini. Pelbagai sebab dan punca yang mendorong pelajar di sini ponteng-sekolah. Walaupun kesalahan ini pada

³⁴ Temubual dengan responden lelaki berumur 14 tahun di SMK Ulu Belitong pada 27 Sept. 2001

³⁵ Temubual dengan kaunselor SMK. Ulu Belitong, Kluang, Johor pada 29 Sept. 2001.

³⁶ Temubual dengan seorang guru perempuan SMK Ulu Belitong pada 28 Sept. 2001

³⁷ Ibid

³⁸ Temubual dengan pelajar lelaki berumur 14 tahun di SMK Ulu Belitong pada 27 Sept. 2001

umumnya dilihat sebagai kesalahan yang tidak serius, akan tetapi daripada kegiatan ponteng sekolah akan mendorong remaja terlibat dalam pelbagai kesalahan jenayah yang lebih besar lagi.

3.7 Masalah Pembaziran Masa Dikalangan Remaja FELDA Ulu Belitong

Pembaziran masa merupakan antara masalah yang kerap dilakukan oleh golongan pelajar dan remaja di seluruh dunia. Biasanya dikatakan berlakunya pembaziran masa apabila masa yang terluang tidak diisi dengan aktiviti yang berfaedah .Berdasarkan data yang diperolehi daripada jadual 3.2 di atas, didapati kebanyakan remaja di FELDA ini gemar melakukan dua aktiviti utama yang kurang memberikan manfaat kepada mereka iaitu berfoya-foya dan melepak.

3.7.1 Berfoya-foya

Fenomena berfoya-foya adalah berkait rapat dengan tabiat remaja yang suka ponteng sekolah. Ditambah lagi dengan keseronokan yang diperolehi daripada kegiatan berfoya-foya bersesuaian dengan jiwa remaja yang inginkan kebebasan, kegembiraan dan hiburan.

Daripada kajian yang dibuat oleh *Optimim Media Direction (OMD)*, terhadap remaja Asia, didapati bahawa antara cara hidup yang diminati oleh golongan remaja di seluruh Asia ialah berseronok dan berfoya-foya. Antara aktiviti yang dilakukan

sewaktu berfoya-foya ialah meronda pasaraya atau *window shopping*, berpeleseran, mendengar muzik sambil menari-nari dan sebagainya.³⁹

Bagi remaja-remaja di kawasan FELDA ini, kegiatan berfoya-foya merupakan kesalahan kedua yang sering mereka lakukan selepas ponteng sekolah. Peratusan mereka ialah sebanyak 53.39% dengan jumlah remaja lelaki lebih ramai berbanding remaja perempuan. Antara tempat-tempat yang sering mereka kunjungi untuk berfoya-foya ialah ke pusat membeli belah, pusat-pusat hiburan, meronda kawasan bandar tanpa arah tujuan serta melakukan berbagai-bagai perbuatan lagi yang menyeronokkan mereka.⁴⁰

Kesan daripada perbuatan berfoya-foya tersebut, kebanyakan remaja banyak membazirkan masa mereka tanpa perbuatan yang berfaedah dan bermanfaat. Malahan ada yang terjebak dengan perbuatan yang tidak bermoral seperti minum arak, berjudi, menghisap rokok dan sebagainya.

Ternyata, kegiatan berfoya-foya menjadi antara kegiatan yang digemari oleh remaja kerana ianya bersesuaian dengan naluri mereka yang inginkan keseronokan dan hiburan semata-mata.

³⁹ Berita Harian.. Ruangan Wanita & Keluarga, 'Ke mana Arah Remaja Sekarang', 10 April 2001, h.1.

⁴⁰ Temubual dengan Ustaz Abd. Rashid Shamin, guru disiplin SMK Ulu Belitung pada 29 Sept. 2001

3.7.2 Melepak

Perbuatan lepak merupakan satu masalah yang sering diperbincangkan sejak dari tahun 1990 lagi. Malahan satu kajian khusus telah dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1994 terhadap para remaja di seluruh Malaysia. Berdasarkan penyelidikan tersebut didapati bahawa pelapis generasi negara ini sedang berada dalam keadaan yang tenat dan memerlukan bantuan segera yang wajar dan tepat.⁴¹

Kesalahan ketiga tinggi yang sering dilakukan oleh remaja di kawasan ini ialah pebuatan melepak dengan kadar peratusan sebanyak 43.22%. Daripada peratusan tersebut, didapati bahawa remaja lelaki lebih ramai melakukan aktiviti lepak berbanding remaja perempuan.

Antara tempat utama yang menjadi sasaran utama budaya lepak dikalangan remaja di kawasan ini ialah pusat membeli belah di bandar Kluang dan Kota Tinggi seperti Fajar, Park Inn, Ocean dan Pasar Raya Jimat. Tempat-tempat lain ialah di perhentian bas Kluang dan Kota Tinggi, juga di kedai dan warung di dalam kawasan FELDA.⁴²

Hasil temubual penulis dengan beberapa orang remaja lelaki yang sedang melepak di hadapan pasar raya Jimat di Bandar Kluang, didapati dua daripadanya berasal dari gugusan FELDA Ulu Belitung. Menurut mereka, perbuatan melepak atau santai-santai dilakukan untuk menghilangkan rasa *boring* kerana tidak ada kerja yang

⁴¹ Majalah Tamaddun, Ruangan Fokus, 'Fakta Remaja Lepak di Malaysia', Ogos 1994, h. 16

⁴² Temubual dengan Ustazah Khairussadah Ramian, guru di SMK Ulu Belitung pada 28 Sept. 2001

hendak dibuat pada waktu petang.⁴³ Rakannya, seorang remaja lelaki berumur 17 tahun pula mengakui beliau melepak untuk menghilangkan *tension* dan tekanan akibat banyak belajar pada waktu pagi di sekolah.⁴⁴ Antara sebab lain remaja di FELDA ini melepak kerana malas berada di rumah pada waktu petang, hendak lari dari suruhan ibu bapa agar menjaga adik di rumah dan ada juga sekadar mahu menjamu mata dan berkenalan.⁴⁵

Kesan daripada budaya lepak tersebut, berlaku peningkatan kes-kes merokok, jenayah kecil seperti mencuri dan menipu, perlanggaran had umur ke pusat-pusat hiburan dan permainan serta kegiatan yang tidak bermoral. Malahan ianya banyak membazirkan wang dan masa.⁴⁶

Kesimpulannya, terdapat beberapa faktor yang mendorong remaja di sini melepak. Antara ialah kerana ingin lari daripada tugas di rumah dan juga kerana inginkan keseronokan dan menghilangkan rasa bosan kerana tidak ada kerja pada waktu lapang mereka. Ada juga kerana terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya.

3.8 Budaya Vandalisme atau merosakkan harta benda awam

Vandalisme ataupun gejala merosakkan harta benda awam merupakan salah satu daripada perbuatan salahlaku akhlak yang sering dilakukan oleh golongan remaja

⁴³ Temubual dengan dua orang remaja lelaki berumur 13 dan 16 tahun di hadapan pasar raya Jimat di Bandar Kluang pada 28 September 2001

⁴⁴ Temubual dengan remaja lelaki berumur 17 tahun di hadapan pasar raya Jimat di Bandar Kluang, pada 28 September 2001

⁴⁵ Temubual dengan Encik Ridhuan, Pegawai Belia FELDA Ulu Belitong, pada 25 September 2001

pada masa ini. Perbuatan ini merupakan ekspresi daripada perasaan ketidakpuasan hati remaja terhadap pihak-pihak tertentu seperti ibu bapa ataupun guru mahupun masyarakat sekitar.⁴⁷

Peratusan bagi kesalahan merosakkan harta benda awam yang dilakukan oleh remaja di kawasan ini ialah sebanyak 36.44%. Seramai 25 orang remaja lelaki menandakan jawapan selalu dan kadang-kadang melakukan kaesalan ini dan selebihnya 27 orang remaja perempuan. Antara harta benda yang sering menjadi sasaran mereka ialah pondok telefon awam, balai raya, dan juga ada yang berani menconteng dinding rumah guru perempuan yang bujang untuk menyatakan kemarahan mereka kepada guru tersebut.⁴⁸

Hasil temubual dengan seorang remaja perempuan yang pernah menconteng dinding rumah guru perempuan bujang didapati bahawa beliau melakukan perbuatan itu untuk menyatakan rasa ketidakpuasan hati beliau kepada guru berkenaan kerana bersikap agak pilih kasih. Setelah beliau berbuat sedemikian, beliau merasa puas kerana guru tersebut tahu bahawa ada pelajar yang tidak puas hati dengan tindakannya selama ini.⁴⁹

Daripada tinjauan penulis ke kawasan berkenaan juga didapati dua daripada dinding dan tiang pondok telefon awam di kawasan FELDA Ulu Belitong dan satu di FELDA

⁴⁶ Temubual dengan Ust. Abd. Rashid Shahmin, guru Disiplin SMK Ulu Belitong pada 29 Sept. 2001 –

⁴⁷ Mohd. Amin H.A. Shariff. *op.cit.* h. 58-59

⁴⁸ Temubual dengan Ustazah Khairussadah Ramian, guru Sek. Men. Keb. Ulu Belitong pada 28 September 2001

⁴⁹ Temubual dengan remaja perempuan berumur 16 tahun di FELDA Ulu Belitong pada 25 Sept. 2001

Bukit Tongkat tercemar dengan kata-kata berunsur seks dan luah. Manakala satu lagi pondok telefon di FELDA Ulu Belitung pula terkopak dan putus wayar gagang telefonnya kerana dirosakkan oleh golongan remaja di sini. Menurut Lans. Kopral Adnan, Pegawai Polis di Pondok Polis Ulu Belitung, perbuatan itu mungkin dilakukan oleh golongan remaja yang mahu mencuri wang di dalam telefon berkenaan.⁵⁰

Menurut beliau lagi, satu ketika dahulu, pondok balai raya pernah diconteng dengan kata-kata kesat oleh remaja nakal di situ. Bagaimanapun perbuatan vandalismye atau merosakkan harta benda awam di kawasan itu agak berkurangan sejak akhir-akhir ini.

Kesimpulannya, remaja yang melakukan vandalismye adalah remaja bermasalah yang cuba untuk meluahkan perasaan mereka melalui kegiatan tersebut. Menurut mereka dengan berbuat sedemikian, ketidakpuasan hati mereka dapat diluahkan.

3.9 Kesalahan-kesalahan lain

Antara kesalahan-kesalahan lain yang dilakukan oleh remaja di sini ialah menghisap rokok (28.81%) , memusuhi guru (21.19%), menonton video/CD/filem luah (19.49%), mencuri (19.49%), berdisko dan berkaraoke (12.71%), berjudi (16.1%), menghisap dadah, ganja dan pil khayal (12.71%), terlibat dalam seks bebas –

⁵⁰ Temubual dengan Lans Kopral Adnan, Pegawai Polis di Pondok Polis FELDA Ulu Belitung, pada 26 September 2001

kebanyakannya remaja yang menganggur dan sudah bekerja (8.47%), minum arak (3.39%) dan lari dari rumah (3.39%).

Menurut dapatan sehingga kajian ini dibuat, tidak ada responden remaja yang mengakui terlibat dalam kegiatan melacurkan diri, merompak dan membunuh. Namun demikian ada juga rungutan daripada rakan remaja yang mengatakan bahawa ada dikalangan rakan mereka yang terlibat dalam kegiatan pelacuran, tetapi tidak diketahui secara jelas kesahihan berita tersebut.

Kesimpulannya, walaupun peratusan kesalahan jenayah berat yang dilakukan oleh mereka masih agak rendah, namun faktor-faktor pendorong kepada kesalahan tersebut agak besar dan sering mendedahkan mereka kepada unsur-unsur negatif tersebut. Fenomena lepak, berfoya-foya dan ponteng sekolah banyak mendedahkan remaja di kawasan ini kepada kesalahan berat di atas. Justeru, semua pihak harus memberikan perhatian yang serius terhadap masalah ini.